

SOALAN LAZIM PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA

18/06/2020 12:00AM

SOALAN LAZIM (FAQ) PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

INISIATIF 35 – SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN DENGAN OBJEKTIF MEMBANTU SEKTOR PELANCONGAN YANG TERJEJAS AKIBAT COVID-19 MELALUI INSENTIF CUKAI. KERAJAAN BERSETUJU MEMBERI PENGECUALIAN CUKAI PELANCONGAN MULAI 1 JULAI 2020 HINGGA 30 JUN 2021 DAN LANJUTAN PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PERHOTELAN SEHINGGA 30 JUN 2021.

1. S : Bila tempoh pengecualian cukai pelancongan berkuat kuasa?
J : Tempoh pengecualian cukai pelancongan berkuat kuasa bagi tempoh 1 Julai 2020 sehingga 30 Jun 2021.
2. S : Adakah pengendali penginapan perlu memohon kelulusan untuk mendapatkan pengecualian dari pengenaan cukai pelancongan untuk tempoh berkenaan?
J : Pengendali penginapan tidak perlu memohon kelulusan untuk mendapatkan pengecualian dari pengenaan cukai pelancongan.
3. S : Adakah cukai pelancongan dikenakan bagi penginapan di mana pelancong asing mendaftar masuk pada 30 Jun 2020, jam 2 petang dan mendaftar keluar pada 1 Julai 2020, pada jam 11 pagi?
J : Pelancong asing masih tertakluk kepada cukai pelancongan untuk tempoh berkenaan. cukai pelancongan diberi pengecualian untuk penginapan bermalam bagi pelancong asing yang berdaftar masuk mulai 1 Julai 2020.
4. S : Adakah cukai pelancongan dikenakan bagi penginapan di mana pelancong asing mendaftar masuk pada 30 Jun 2021, jam 2 petang dan mendaftar keluar pada 3 Julai 2021, pada jam 11 pagi?
J : Pelancong asing tidak tertakluk kepada cukai pelancongan untuk penginapan bermalam pada 30 Jun 2021. Bagaimanapun penginapan bermalam pelancong asing pada 1 dan 2 Julai 2021 adalah tertakluk kepada cukai pelancongan.
5. S : Adakah penyata cukai TTx-03 perlu dikemukakan oleh pengendali penginapan berdaftar sepanjang tempoh pengecualian?
J : Ya, pengendali penginapan perlu mengemukakan penyata cukai TTx-03 mengikut tempoh bercukai walaupun tiada cukai pelancongan yang dikenakan kepada pelancong asing. Pengendali penginapan juga perlu mengakaun dan membayar cukai pelancongan yang diterima dari pelancong asing untuk penginapan sebelum tempoh pengecualian atau mana-mana cukai pelancongan yang masih belum diterima daripada pelancong dalam tempoh dua belas bulan kalendar yang menjadi genap masa dalam tempoh bercukai.
6. S : Adakah jumlah cukai pelancongan yang dikecualikan perlu dinyatakan dalam penyata TTx-03?
J : Ruangan 7 dalam TTx-03 hendaklah diisi dengan jumlah cukai untuk setiap malam setiap bilik yang tidak dikenakan cukai pelancongan (dikecualikan) kepada pelancong asing.

7. S : Adakah pengendali penginapan perlu menyatakan pengecualian cukai pelancongan dalam invoice?

J : Invoice yang dikeluarkan kepada pelancong asing berkaitan dengan pengenaan cukai pelancongan boleh dicatatkan sebagai "dikecualikan" atau "NIL" atau "RM0.00" untuk tempoh pengecualian.

8. S : Apakah liabiliti pengendali penginapan yang baru beroperasi dalam tempoh pengecualian cukai pelancongan 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021?

J : Mana-mana pengendali penginapan baru yang beroperasi dalam tempoh berkenaan dikehendaki memohon untuk didaftarkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permulaan operasi dan tarikh kuatkuasa pendaftaran adalah pada hari pertama bulan berikutnya selepas tarikh permohonan dikemukakan